

## SENARAI PERIBAHASA MENENGAH 1

1. Air dicencang tiada putus Perbalahan atau pergaduhan antara saudara-mara tidak akan berpanjangan kerana akhirnya mereka akan berbaik-baik semula.
2. Bagai harimau beranak muda Keadaan seseorang yang sangat bengis, garang dsb.
3. Bagai itik berebutkan tembolok
  - a) Perbalahan kerana sebab yang terlalu kecil.
  - b) Perbalahan kerana makanan atau keuntungan yang sedikit.
4. Bagaimana acuan begitulah kuihnya
  - a) Seseorang anak itu akan menurut budi dan perangai ibu bapanya.
  - b) Keadaan sesuatu itu menurut asalnya.
5. Bagai Belanda minta tanah Hal orang yang tamak; diberi sedikit hendak banyak, diberi banyak hendak semuanya.
6. Bagai kaduk naik junjung Orang yang hina apabila mendapat keistimewaan (mendapat pangkat dll) akan menjadi mengada-ngada.
7. Bagai ayam bertelur di padi Hal seseorang yang hidupnya senang, tiada khuatir akan kekurangan apa-apa.
8. Bagai hujan jatuh ke pasir Kebaikan (pertolongan dll) yang sia-sia (tidak berbalas).
9. Bagai tikus membaiki labu Seseorang yang cuba memperbaiki sesuatu yang tidak diketahuinya, akhirnya merosakkannya.
10. Belakang parang pun jikalau diasah nescaya tajam
  - a) Seseorang yang bodoh sekalipun, jika diajar betul-betul akan menjadi pandai.
  - b) Orang yang sabar dan setia, jika dihasut boleh juga menjadi jahat.
11. Berhakim kepada beruk Meminta pengadilan kepada seseorang yang tamak, akhirnya kedua-dua pihak akan mengalami kerugian.
12. Bukannya diam penggali berkarat, melainkan diam ubi berisi Diam seseorang yang berimbu itu berfikir, sementara diam orang yang bodoh itu sia-sia sahaja.
13. Busut juga ditimbin oleh anai-anai
  - a) Orang kaya juga yang bertambah kekayaannya.
  - b) Orang yang pernah bersalah juga yang dituduh jika berlaku sesuatu kejahatan.
14. Garam jatuh di air Seseorang yang sangat cepat menerima dan mudah memahami sesuatu nasihat atau pengajaran yang diberikan kepadanya.
15. Ibarat bunga dedap, sungguh merah berbau tidak Tidak guna seseorang itu cantik molek jika dia tidak berbudi bahasa yang mulia.
16. Melepaskan anjing tersepit Menolong orang yang tidak tahu membalas budi, melainkan kadang-kadang membalas dengan perbuatan jahat.
17. Melepaskan batuk di tangga Membuat sesuatu pekerjaan dengan tidak bersungguh-sungguh.
18. Ringan tulang, berat perut Jika rajin dan tekun berusaha melakukan sesuatu pekerjaan, maka akan murahlah rezeki.
19. Sebab buah dikenal pohonnya Daripada tingkah laku seseorang itu kita dapat mengetahui atau mengenali watak dan asal seseorang.
20. Seperti labah-labah cinta kepada telurnya Perihal kasih sayang yang mendalam sekali dan sukar diceraikan.
21. Seperti pucuk yang layu disiram hujan
  - a) Memperoleh barang yang sangat diharapkan.
  - b) Orang yang susah memperoleh kesenangan, atau orang yang sakit beroleh penawar.
22. Seperti tikus jatuh ke beras Orang yang mendapat kedudukan yang mewah.
23. Seperti harimau menyembunyikan kukunya Orang yang bijaksana tetapi menyembunyikan pengetahuan dan kebolehannya.
24. Seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul Tiada berguna menasihati orang lain, kalau kelakuan sendiri tiada sesuai dengan apa yang dinasihatkannya itu.
25. Takut titik lalu tumpah Hendak mengelakkan kerugian kecil akhirnya mendapat kerugian besar.

## SENARAI PERIBAHASA MENENGAH 2

26. Air yang dingin juga yang dapat memadamkan api  
Perkataan yang lembut juga yang dapat mendinginkan hati orang yang sedang marah.
27. Bagai unta menyerah diri  
Orang yang terlalu bodoh dan terlalu lurus yang menjadi mangsa orang yang lebih pintar dan cerdik.
28. Bagai kerakap atas batu, hidup enggan mati tak mahu  
a) Perihal seseorang yang hidup dalam kemiskinan dan melarat.  
b) Perihal seseorang yang telah lama mengidap penyakit.  
c) Tanaman yang tidak tentu hidup-matinya.
29. Baru hendak bertunas, sudah dipetik lama-lama matilah pokoknya  
Ibarat orang yang berniaga baru mendapat keuntungan sedikit sudah berbelanja besar, akhirnya habislah modal.
30. Batu yang selalu bergolek di dalam sungai itu tiada dihindangi lumut  
a) Orang yang selalu bertukar kerja tidak akan mencapai kejayaan dalam kerjayanya dan sukar untuk menjadi seorang yang kaya.  
b) Orang yang selalu menambah pengetahuannya tidak dapat ditipu orang.
31. Berkerat rotan berpatah arang  
Putus perhubungan yang tidak dapat disambung semula.
32. Besar pasak dari tiang  
Berbelanja lebih besar daripada pendapatan yang diperoleh.
33. Biduk lalu kiambang bertaut  
Perselisihan faham yang berlaku antara saudara-mara tetapi pada masa kemudian dapat berbaik-baik semula.
34. Bodoh-bodoh sepat tiada makan pancing emas  
a) Walaupun seseorang itu bodoh tetapi dia masih tahu memilih yang mana baik atau yang mana buruk untuk dirinya.  
b) Orang bodoh yang mendapat kecelakaan kerana berpura-pura bersikap seperti orang pandai.
35. Jadi umang-umang  
a) Orang yang menyamar kerana sesuatu muslihat  
b) Barang yang sama jika berlainan keadaannya maka berlainanlah pula namanya.
36. Jauhari juga yang mengenali manikam  
Orang yang bijaksana jua yang mengetahui keelokan ilmu, menghargai sifat yang mulia dan dapat menilai ketinggian mutu sesuatu barang.
37. Kalau kail panjang sejengkal jangan lautan hendak diduga  
Jika ilmu atau kebolehan kita sedikit, janganlah kita cuba berbuat (melawan dll) orang atau sesuatu yang besar.
38. Kalau tidak ada helang, belalang menjadi helang  
Seseorang yang bertindak mengaku bahawa dirinya seorang yang bijak serta pandai apabila dia mendapati tidak ada lagi orang yang lebih bijak dan pandai di tempat itu.
39. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa  
Pengetahuan dan kelebihan itu tidak semestinya khusus pada orang-orang tua sahaja tetapi ada juga pada orang-orang muda.
40. Lidah bercabang bagai biawak  
Selalu berubah-ubah dan tidak dapat dipercayai kata-katanya.
41. Laksana wau melawan angin  
a) Kehendak orang atasan atau orang yang berkuasa tidak dapat dihalang oleh orang bawahan ataupun orang yang lemah, jika dilawan binasalah diri  
b) Membuat pekerjaan yang tidak mungkin terkerjakan.
42. Pipit pekak makan berhujan  
Seorang yang sangat rajin dalam suatu pekerjaan, tiada peduli akan bahaya yang akan timbul pada dirinya.
43. Seperti api dalam sekam  
Perihal perbuatan yang disembunyikan tiada ketara pada orang atau berlaku secara diam-diam.
44. Seperti gergaji bermata dua  
Orang yang berpura-pura berbuat baik kepada dua belah pihak sehingga beroleh keuntungan daripada kedua-duanya.
45. Seperti seludang menolak mayang  
Megahkan atau menyombongkan diri.
46. Seperti gunting makan di hujung  
a) Seorang yang tiada disangka, tetapi dengan sembunyi-sembunyi dan perlahan-lahan dia melakukan perbuatannya.  
b) Orang yang bijak mengeluarkan kata-kata yang tajam (pedas) tetapi tidak terasa oleh orang lain.
47. Terlepas dari mulut buaya, masuk ke mulut harimau  
Terhindar daripada kemalangan/musibah kecil lalu menghadapi kemalangan/musibah lebih besar.
48. Tong kosong nyaring bunyinya  
a) Seseorang yang bodoh itu biasanya banyak cakapnya.  
b) Orang yang sombong, bercakap besar tetapi tidak berisi/tak bererti.
49. Tumbuk rusuk  
Memberi wang rasuah.
50. Umpama air digenggam tiada tiris  
Orang yang sangat kikir atau bakhil tidak sedikit terbuka tangannya untuk menolong orang yang hidup sengsara.

### SENARAI PERIBAHASA MENENGAH 3

51.	Air pun ada pasang surutnya	Keadaan hidup seseorang tidak tetap, ada kalanya senang ada kalanya susah.
52.	Ayam terlepas tangan berbau tahi	Orang yang membuat perbuatan yang ditegah akhirnya mendapat malu.
53.	Berapa berat mata memandang, berat juga bahu memikul	Sesusah-susah orang yang melihat penderitaan seseorang itu tentulah tidak sama dengan penanggungan orang yang menderita itu sendiri.
54.	Belum duduk berlunjur dahulu	a) Menganggap sudah memperoleh atau memiliki sesuatu perkara yang belum pasti dimiliki atau dikuasai. b) Orang yang cepat-cepat marah walaupun orang yang dimarahi belum tentu terbukti kesalahannya
55.	Belayar bernakhoda, berjalan dengan yang tahu, berkata dengan yang pandai	Sesuatu pekerjaan besar yang hendak dilakukan eloklah diketuai pelaksanaannya oleh orang yang memang ahli dalam perkara itu supaya selamat.
56.	Besar periuk besar keraknya	Orang yang berpendapatan besar, besar juga perbelanjaannya.
57.	Biar putih tulang, jangan putih mata	a) Mempertahankan sesuatu yang menjadi hak milik kita walaupun nyawa kita terancam. b) Lebih baik mati daripada menanggung malu.
58.	Bertelingkah bagal antan di lesung	Orang yang sama sepekerjaan itu, jikalau berselisihan dan berkecil hati, jadi rosaklah pekerjaannya.
59.	Burung terbang dipipiskan lada	Merancang sesuatu yang belum pasti diperolehi.
60.	Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar	Berhati-hati semasa bercakap dengan orang kerana percakapan yang sembarangan boleh membawa akibat yang buruk.
61.	Ditatang bagai minyak yang penuh	Sangat dikasihi dan dipelihara dengan sempurnanya.
62.	Gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar	Hendak meniru-niru perbuatan orang besar atau kaya, akhirnya diri sendiri binasa.
63.	Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah	Peperangan atau perselisihan yang berlaku antara dua pihak yang berkuasa menyebabkan rakyat yang binasa atau menderita.
64.	Jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya	Orang besar atau mulia tidak akan hilang martabatnya jika ia merendahkan dirinya sekalipun.
65.	Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis	Hendaklah sentiasa berhati-hati supaya jangan terpedaya dan habis harta dengan percurna.
66.	Kuat ketam kerana sepit, kuat burung kerana sayap	Setiap orang mempunyai kekuatan dan kelebihan masing-masing.
67.	Menegakkan benang basah	a) Menahankan sesuatu perkara yang sebenarnya tidak dapat dipertahankan lagi. b) Mengerjakan pekerjaan yang mustahil berhasil.
68.	Menconteng arang di muka	Melakukan sesuatu perbuatan buruk yang boleh memberi aib atau mencemarkan nama baik ibu bapa atau keluarga.
69.	Rumah sudah pahat berbunyi	a) Mencela atau bersungut tentang sesuatu yang sudah silap. b) Mengemukakan keterangan baru atau saksi baru setelah sesuatu diputuskan oleh hakim.
70.	Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan	a) Sesuatu perkara yang telah terlanjur dibuat salah, hendaklah dibetulkan dengan dibuat semula dan awal. b) Jika tidak boleh dicapai persetujuan dalam sesuatu mesyuarat hendaklah diselidiki kembali pokok persoalannya, supaya dapat pertimbangan yang baik.
71.	Seperti buah padi, makin berisi makin rendah; jangan seperti lalang, makin lama makin tinggi	Orang yang bangsawan dan budiman serta berilmu itu makin tinggi martabatnya makin dia merendah din; bukannya seperti orang yang tiada berbudi dan jahil, apabila diperolehinya sesuatu kelebihan, dia pun sombong.
72.	Sedencing bagal besi, seciap bagai ayam	Mengerjakan sesuatu bersama-sama, baik ringan mahupun berat.
73.	Seperti embun di hujung rumput	Sesuatu perkara yang tidak kekal dan segera hilang.
74.	Seperti orang buta kehilangan tongkat	a) Berada dalam kesukaran b) Orang bodoh, tiada pula berusaha dalam apa yang dilakukannya sehingga menjadi sesat kehidupannya.
75.	Tukang tidak membuang kayu	Orang yang cerdik, sayang kepada segala macam orang kerana masing masing ada gunanya.

## SENARAI PERIBAHASA MENENGAH 4

76.	Ambil patinya, buangkan hampasnya	Daripada tiap-tiap cerita atau perkara janganlah hiraukan yang salah atau yang buruk, ambil sahaja yang baik atau yang betul.
77.	Baik membawa resmi ayam betina	Seseorang itu hendaklah selalu merendah diri dalam tutur kata dan perbualan supaya tidak dibenci oleh orang lain dan selamat dalam hidup.
78.	Berjalan peliharakan kaki, bercakap peliharakan lidah	Dalam melakukan sesuatu pekerjaan hendaklah sentiasa berhati-hati.
79.	Besar kapal besarlah gelornbang	Makin besar darjat atau perniagaan seseorang makin besar pula bencana atau kerugian yang dapat menyimpanya.
80.	Bukit sama didaki, lurah sama dituruni	Bermuafakat dalam sesuatu perkara agar senang atau susah sama-sama dirasai.
81.	Bulat air oleh pembuluh, bulat kata oleh muafakat	Melalui perbincangan atau perundingan dapatlah dicapai kata sepakat untuk melakukan sesuatu tindakan atau usaha.
82.	Daun dapat dilayangkan, getah jatuh ke perdu juga	Tidak sama kasih kepada anak sendiri dengan kasih kepada anak orang.
83.	Dalam menyelam, cetek bertimba	Jika tidak mendapat hasil atau rezeki yang banyak, yang sedikit pun memadai.
84.	Di padang orang berlari, di padang sendiri berjingkit	Tabiat orang yang tamak, mahu menerima pemberian orang sahaja, tetapi memberi dia sekali-kali tidak mahu.
85.	Hilang adat tegal muafakat	Sesuatu adat yang telah berakar umbi dapat diubah jika ada persetujuan orang ramai.
86.	Ikan terkilat jala pun tiba	Orang yang cepat menangkap maksud cakap orang lain, sebelum habis diperkatakan sudah dapat dijawabnya.
87.	Jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya	Tidak akan tercapai cita-cita tanpa usaha yang gigih.
88.	Jika kerbau dipegang talinya, jika manusia dipegang mulutnya	Seseorang itu wajib menepati sesuatu yang telah dijanjikannya.
89.	Jong pecah yu kenyang	<b>a)</b> Kerugian yang dialami oleh orang-orang atasan tidak memberi sebarang faedah kepada orang kebanyakan, <b>b)</b> Dalam keadaan kekacauan ada orang yang mendapat faedah.
90.	Kail sebetuk umpan seekor, sehari putus seharl hanyut	Melakukan sesuatu dengan tidak cukup persediaan bagi menghadapi segala kemungkinan seperti berniaga dengan modal alang kepalang.
91.	Kalau gajah hendaklah dipandang gadingnya, kalau harimau hendaklah dipandang belangnya	Sesuatu perkara itu perlu disiasat dahulu dengan teliti dan tidak boleh setakat mendengar cakap-cakap orang sahaja.
92.	Kalau tak ada berada, tak kan tempua bersarang rendah	Tentu ada sebabnya sesuatu hal berlaku walaupun sebabnya itu tersembunyi.
93.	Keras-keras kerak nasi, kena air lembut juga	Sekeras-keras hati seseorang itu bila dipujuk dan dinasihati akan lembut
94.	Kilat di dalam kilau, kabus di dalam hujan	Dalam tutur kata dan tingkah laku seseorang ada tersimpul beberapa kehendak hati.
95.	Laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan	Manusia tidak sunyi daripada melakukan kesalahan dan kesilapan.
96.	Meski tertimbun dalam tanah, namun teras timbul juga	<b>a)</b> Seseorang yang berbudi baik itu sekali pun dalam melarat tetap berbudi dan berhati mulia. <b>b)</b> Meskipun kebenaran belum terang, lambat laun akan menjadi kenyataan juga.
97.	Muka berpandangan, budi kedapatan kasih bagai selama jua	Seseorang yang mengetahui perbuatan jahat orang lain terhadap dirinya tetapi tidak menghiraukannya.
98.	Pelepah bawah luruh, pelepah atas jangan gelak	Tiap-tiap yang bernyawa akan mati juga sudahnya, baik tua, muda ataupun anak-anak kecil.
99.	Quran buruk	Orang tua yang banyak pengalaman tidak wajar disia-siakan walaupun buah fikirannya tidak dapat digunakan lagi.
100.	Rosak badan kerana penyakit, rosak bangsa kerana laku	Penyakit yang dihadapi itu boleh merosakkan keelokan rupa kita, begitu juga kelakuan yang keji itu boleh merosakkan nama baik bangsa kita.

## SENARAI PERIBAHASA TAMBAHAN BAHASA MELAYU LANJUTAN

<b>MENENGAH 1</b>		
A.	Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung	a) Apabila kita menetap di sesebuah negeri (kampung, masyarakat dll), kita perlulah mematuhi peraturan dan undang-undang di tempat tersebut. b) Segala suruhan atau nasihat dituruti dan dikerjakan dengan sepenuh hati.
B.	Lain padang lain belalangnya, lain lubuk lain ikannya	Lain negeri lain adat resam dan lain cara pemerintahannya.
C.	Bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya	a) Bagaimana perintah, begitulah yang harus dituruti. b) Bagaimana perbuatan/perkataan demikianlah balas dan jawapannya.
D.	Seperti anak ayam kehilangan ibu	Sekumpulan orang yang tidak tentu arah atau berpecah-belah akibat kehilangan pemimpin atau tempat tumpuan dan pengharapan.
E.	Seperti mentimun dengan durian, menggolek rosak kena golek binasa	Orang yang lemah dan bodoh kalau diserang atau menyerang orang yang berani dan pintar akan menerima kekalahan juga.
<b>MENENGAH 2</b>		
F.	Bagai langau di ekor gajah	a) Orang yang selalu mengikut kemahuan orang besar atau orang yang pandai. b) Orang yang mengikut-ikut pada seseorang kerana kemaannya.
G.	Kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek	Kerja sendiri boleh dibuat di samping membuat kerja orang lain.
H.	Sekali air bah, sekali pasir berubah, sekali air gedang, sekali tepian berganjak	Apabila bertukar ketua atau pemerintah di dalam sesebuah negara, maka cara hidup pun berubah juga.
I.	Seperti gajah masuk kampung	a) Seseorang yang berkuasa dapat melakukan sekehendak hatinya di kalangan orang yang lemah dan tiada siapa yang boleh menahannya. b) Orang yang berkuasa masuk ke dalam sesebuah kumpulan orang yang lemah dan dapat melakukan sekehendak hatinya dan tidak ada seorang pun yang berani menegurnya.
J.	Seperti limau masak sebelah, perahu karam sekerat	Hukuman atau peraturan yang tidak adil kerana orang yang ada kedudukan atau kekayaan dikecualikan.
<b>MENENGAH 3</b>		
K.	Hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa	Seseorang yang hidup di dunia ini mestilah berbuat baik untuk diri sendiri dan juga berjasa kepada orang lain.
L.	Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah	Waktu hidup mestilah mengikut peraturan, adat dan undang-undang termasuk hukum Tuhan, setelah mati terserahlah kepada Tuhan.
M.	Hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati	Budi bahasa orang tidak dapat dibalas dengan wang dan harus diingat seumur hidup.
N.	Ikut hati mati, ikut rasa binasa, ikut mata leta	Orang yang mengikutkan hawa nafsunya akhirnya akan binasa.
O.	Asal besi pengapak kayu, asal emas menjadi penduk	Asal atau darjat seseorang ditentukan pada tingkah lakunya.
<b>MENENGAH 4</b>		
P.	Seperti melukut di tepi gantang, keluar tidak mengurangi, masuk tidak memenuhi	Seseorang yang tidak dianggap penting oleh orang lain dan dianggap tidak berguna kepada masyarakat. Adanya dia tidak mempunyai apa-apa erti.
Q.	Seperti menghela rambut dalam tepung, rambut jangan putus tepung jangan berserak	a) Bersikap bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah. b) Menghukum hendaklah dengan seadil-adilnya, sehingga kedua-dua belah pihak berasa puas.
R.	Tangan mencencang bahu memikul	Jika kita yang membuat kesalahan kitalah yang harus menanggung akibatnya.
S.	Mengata dulang paku serpih, mengata orang awak yang lebih	Mencela orang tetapi diri sendiri lebih buruk daripada orang yang dicela.
T.	Pelanduklah melupakan jerat, jerat tidak melupakan pelanduk	a) Orang mudah melupakan bahaya tetapi bahaya tetap mengancam. b) Orang yang menganiaya orang lain kerap lupa akan perbuatannya, tetapi orang yang dianiaya tetap ingat perbuatan itu.